

Headline	GAS Malaysia unjur laba meningkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 May 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,464
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,392



GAS Malaysia unjur laba meningkat

GAS Malaysia Bhd, iaitu pengedar dan peruncit gas asli terbesar di Malaysia, mengunjurkan pendapatannya pada tahun ini akan lebih tinggi daripada RM2.125 bilion yang diraihnya tahun lalu berdasarkan kepada pengukuhan permintaan bagi gas asli oleh sektor industri tempatan.

Pengarah Urusannya, Datuk Muhamad Noor Hamid, berkata arah aliran semasa menunjukkan bahawa kilang yang menggunakan bahanapi alternatif lebih bersedia untuk beralih kepada gas asli berikutan tahap keberkesannya yang tinggi.

Kaedah CHP berkesan

Beliau berkata, antara faktor peralihan itu ialah penggunaan kaedah Combined Heat and Power (CHP) yang diperkenalkan sejak tahun lalu yang membolehkan pelanggan mencapai sehingga 90 peratus keberkesanan secara keseluruhan.

"Menerusi kaedah CHP ini, lebih banyak tenaga terkandung dalam gas asli dapat dimanfaatkan, sekali gus meningkatkan keberkesanan tenaga dan mengurangkan kos dengan ketara. Selain itu, perjanjian pembekalan gas yang baru antara Gas Malaysia dengan PETRONAS memberikan jaminan kepada kecukupan bekalan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) Gas Malaysia di Shah Alam, semalam. Turut hadir Pengerusinya, Datuk Hamzah Bakar.

Jaminan cukup bekalan

Menerusi perjanjian pembekalan

gas baru itu, PETRONAS memberi jaminan untuk menambah bekalan gas kepada Gas Malaysia sebanyak 40 juta standard kaki padu gas sehari (mmscfd), 30 mmscfd dan 40 mmscfd masing-masing pada 2013, 2014 dan 2015. Ia ketika ini membekal 382 juta metrik unit thermal British (mmbtu).

Gas Malaysia meraih pendapatan berjumlah RM2.125 bilion dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, peningkatan berbanding RM2 bilion yang dicapainya dalam tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, keuntungan bersihnya susut kepada RM162.8 juta daripada RM229.2 juta pada 2011. Asetnya tahun lalu mencecah RM1.513 bilion.

Sementara itu, Hamzah berkata, Gas Malaysia akan membuat pembayaran dividen akhir 7.69 sen sesaham untuk tahun kewangan 2012.

Bersama dividen awal lima sen sesaham yang dibayar pada September 2012, jumlah dividen yang dibayarnya bagi tahun lalu ialah sebanyak 12.69 sen sesaham, bersamaan kira-kira RM162.9 juta.

Agihan dividen

"Ia mewakili 100 peratus keuntungan bersih yang akan dibayar sebagai dividen kepada pemegang saham, sejajar dasar dividen yang digariskan dalam prospektus tawaran awam permu- laan (IPO) syarikat," katanya.

Dalam tahun kewangan semasa, beliau berkata pihaknya akan memastikan tidak kurang 75 peratus daripada keuntungan bersih akan diagihkan sebagai dividen.

Headline	GAS Malaysia unjur laba meningkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 May 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,464
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,392

